AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

# KKM kesan satu kes MPox babit lelaki warga tempatan

## Mangsa tiada sejarah perjalanan ke luar negara tempoh 21 hari, keadaan stabil

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan satu kes positif cacar monyet atau MPox varian clade II di negara ini, kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata kes berkenaan dikesan daripada 58 kes disyaki MPox yang sudah dirujuk kepada KKM sepanjang tahun ini.

Katanya, pesakit berkenaan adalah seorang lelaki warga tempatan yang mula menunjukkan gejala demam, sakit tekak dan batuk pada 11 September lalu, manakala ruam mula muncul pada 12 September.

Dr Muhammad Radzi berkata, individu yang sedang dalam isolasi itu tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari sebelum gejala timbul dan kini berada dalam keadaan stabil.

### Kontak sedang dikenal pasti

"Semua kontak bagi pesakit ini sedang dikenal pasti dan status kesihatan mereka akan dipantau mengikut tatacara kendali piawai (SOP) semasa yang ketat," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, sejak 26 Julai 2023 lalu, terdapat 10 kes MPox yang direkodkan di negara ini adalah dari varian clade II sahaja.

Bilik gerakan MPox yang diaktifkan pada 16 Ogos lalu, di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan sentiasa memantau situasi semasa MPox global, negara serta menyelaraskan pelbagai langkah kesiapsiagaan serta respons yang berkenaan.

"Bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan membolehkan orang ramai memainkan peranan dengan meningkatkan kawalan kesihatan kendiri, KKM meneruskan hebahan melalui pelbagai saluran media massa dan media sosial," katanya. BERNAMA

> "Bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan membolehkan orang ramai memainkan peranan dengan meningkatkan kawalan kesihatan kendiri, KKM meneruskan hebahan melalui pelbagai saluran media massa dan media sosial"



*Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan*

# Segera tangani tekanan kerja petugas kesihatan

**Kota Kinabalu:** Kementerian Kesihatan (KKM) digesa melaksanakan langkah drastik bagi menangani tekanan kerja yang dihadapi petugas kesihatan dan perubatan di negara ini.

Ketua Penerangan Parti Warisan, Datuk Mohd Azis Jamman, berkata langkah itu perlu berikutan kes kematian seorang doktor pakar di Hospital Lahad Datu yang dikaitkan dengan tekanan tugas.



*Mohd Azis Jamman*

Katanya, langkah pertama ialah mewujudkan program kesedaran dan pendidikan mengenai kesihatan mental serta kepentingan persekitaran kerja yang selamat melalui bengkel dan seminar dalam kalangan kakitangan perubatan.

"Langkah kedua ialah mewujudkan sistem laporan yang selamat sebagai saluran petugas kesihatan membuat laporan dengan selamat dan anonim (tanpa nama) untuk melaporkan sebarang bentuk buli atau tekanan tanpa takut terhadap tindakan balas.

"Ketiga, mesti ada pemantauan dan penilaian terhadap beban kerja dan tekanan yang dihadapi kakitangan perubatan. Penilaian berkala terhadap sistem kerja perlu dilakukan untuk memastikan ia tidak membebankan kakitangan.

"Seterusnya, perlu ada akses sokongan psikologi dan kaunseling bagi petugas kesihatan yang mengalami tekanan di tempat kerja. Ini termasuk penyediaan ruang yang selesa untuk berbincang dan berkongsi masalah," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Mohd Azis yang juga bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri itu, berkata langkah kelima yang perlu diambil ialah penguatkuasaan undang-undang khusus bagi melindungi petugas kesihatan daripada buli dan tekanan di tempat kerja serta mengukuhkan tanggungjawab pihak pengurusan.

Katanya, kehilangan doktor terbabit adalah satu peringatan pahit mengenai kepentingan menjaga kesihatan mental dalam kalangan petugas perubatan.




*Petugas kesihatan yang mengalami tekanan di tempat kerja perlu mendapat akses sokongan psikologi.* (Foto hiasan)

"Saya juga berharap kerajaan mengambil serius isu ini dan memberi perhatian yang sewajarnya. Kehilangan Dr Tay Tien Yaa adalah satu kerugian khususnya kepada rakyat Sabah.

"Sesungguhnya hari ini kita mengharapkan agar lebih ramai anak Sabah untuk berkhidmat di negeri ini bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pakar khususnya dalam sektor perubatan," katanya.

### Gesa siasatan terperinci

Sementara itu, Mohd Azis turut menggesa pihak berkuasa untuk melakukan siasatan menyeluruh terhadap kes kematian doktor terbabit.

Katanya, siasatan menyeluruh perlu bagi mengenal pasti punca sebenar yang membawa kepada kematian doktor terbabit dan tindakan yang wajar diambil.

"Keadaan kerja yang sihat dan bebas daripada buli adalah hak setiap individu, khususnya dalam kalangan petugas perubatan yang sentiasa berada dalam tekanan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Saya berharap siasatan ini dapat membuka jalan untuk memperbaiki sistem sedia ada dan memastikan kes tidak lagi berlaku pada masa hadapan," katanya.

Semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengarahkan siasatan lanjut berikutan kematian seorang pakar patologi di Hospital Lahad Datu, Dr Tay Tien Yaa, yang didakwa akibat dibuli di tempat kerja.

Dr Dzulkefly berkata, pihaknya tidak bertoleransi sama sekali terhadap sebarang perbuatan buli yang ditekankan beliau sejak 2018, ketika pertama kali memegang jawatan Menteri Kesihatan.


Doktor ditemui mati dipercayai mangsa buli

*Keratan akhbar BH, semalam.*

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : BISNES

# Indonesia penyumbang terbesar pelancongan perubatan Malaysia



**Indonesia** kekal menjadi pasaran terbesar bagi pelancongan perubatan Malaysia, dengan pesakit dari negara jiran itu menyumbang 64.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelancong perubatan pada tahun lalu, kata penganalisis.

TA Securities berkata, kebanyakan pesakit itu berasal dari bandar utama seperti Jakarta dan Surabaya, dan memilih Pulau Pinang serta Kuala Lumpur sebagai destinasi utama bagi rawatan perubatan.

Ia berkata, antara hospital popular yang sering dikunjungi adalah Island Hospital, Gleneagles dan Pantai Hospital di Pulau Pinang serta Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur.

Selain itu, katanya, pesakit dari China dan India turut memainkan peranan penting dalam pertumbuhan sektor itu, masing-masing menyumbang 5.0 peratus dan 3.1 peratus jumlah keseluruhan pelancong perubatan.

"Hampir separuh pelancong perubatan dari China datang untuk rawatan kesuburan dan kanser, sementara pesakit dari India lebih cenderung untuk mendapatkan rawatan am dan perubatan khusus.

"Dengan pelaksanaan dasar visa kemasukan percuma selama 30 hari sehingga akhir tahun 2025, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) menjangkakan peningkatan ketara pelancong perubatan dari kedua-dua negara ini," katanya dalam nota penyelidikan.

TA Securities berkata, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur kekal sebagai destinasi utama pelancongan perubatan di Malaysia.

Ia berkata, pada tahun lalu, Pulau Pinang menyumbang sebanyak 40.5 peratus daripada pendapatan pelancongan perubatan negara ini, manakala Kuala Lumpur mencatat 41.0 peratus.

Katanya, kedua-dua bandar raya itu menawarkan pelbagai perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi dan mudah diakses oleh pelancong antarabangsa.

Malaysia terus diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai penyedia rawatan perubatan berkualiti apabila dua hospital tempatan, Gleneagles Kuala Lumpur dan Sunway Medical Center disenarai 250 Hospital Terbaik Dunia 2024.

Pengiktirafan itu mencerminkan kualiti rawatan bertaraf dunia yang ditawarkan oleh hospital tempatan, setanding dengan negara terkemuka lain dalam sektor kesihatan global.

Selain itu, MHTC turut memperluas kerjasama kerajaan-kepada-kerajaan (G2G) dengan beberapa negara seperti Maldives dan negara Asia Barat bagi menarik lebih ramai pelancong perubatan.

Kerjasama itu membabitkan promosi rawatan khusus segmen komuniti tertentu, termasuk masyarakat Muslim China yang mencari rawatan perubatan berkualiti.

MHTC juga bijak memanfaatkan kehadiran ekspatriat yang bekerja di Malaysia sebagai duta pelancongan perubatan.

Dalam persaingan serantau, TA Securities berkata, Thailand dan Singapura terus menjadi pesaing utama bagi Malaysia.

Ia berkata, Thailand mencatat pendapatan pelancongan perubatan tertinggi di ASEAN dengan jumlah sekitar AS$850 juta pada 2023, melebihi Malaysia yang mencatat RM2.25 bilion.

"Walaupun Singapura lebih kecil dalam skala, negara itu menyasarkan pesakit memerlukan rawatan kompleks dari pasaran maju. Namun, nilai mata wang Singapura yang tinggi mengurangkan daya tarikan bagi pelancong perubatan yang peka terhadap kos," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL



MPOX

# Satu kes positif dikesan KKM

Bernama

**Putrajaya**

Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan satu kes positif cacar monyet atau Mpox varian *clade II* di negara ini, kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kes berkenaan dikesan daripada 58 kes disyaki Mpox yang sudah dirujuk kepada KKM sepanjang tahun ini.

Beliau berkata, pesakit berkenaan adalah seorang lelaki warga tempatan yang mula menunjukkan gejala demam, sakit tekak dan batuk pada 11 September lalu manakala ruam mula muncul pada 12 September lalu.

Dr Muhammad Radzi berkata, individu yang sedang dalam isolasi itu tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari sebelum gejala timbul dan kini berada dalam keadaan stabil.

"Semua kontak bagi pesakit ini sedang dikenal pasti dan status kesihatan mereka akan dipantau mengikut tatacara kendali piawai (SOP) semasa yang ketat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, sejak 26 Julai tahun lalu, ada 10 kes Mpox yang direkodkan di negara ini adalah dari varian *clade II* sahaja.

Menurut Dr Muhammad Radzi, bilik gerakan Mpox yang diaktifkan pada 16 Ogos lalu di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan sentiasa memantau situasi Mpox serta menyelaraskan pelbagai langkah kesiapsiagaan serta respons yang berkenaan.

"Bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan membolehkan orang ramai memainkan peranan dengan meningkatkan kawalan kesihatan kendiri, KKM meneruskan hebahan melalui pelbagai saluran media massa dan media sosial," katanya.

**"Bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan membolehkan orang ramai memainkan peranan dengan meningkatkan kawalan kesihatan kendiri, KKM meneruskan hebahan melalui pelbagai saluran media massa dan media sosial"**

*Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan*



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Jumlah keseluruhan 10 kes sejak 26 Julai tahun lalu

# Satu lagi kes Mpox direkod, pesakit stabil

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan seorang pesakit lelaki disahkan positif Mpox clade II kelmarin dengan kini sedang berada dalam tempoh isolasi dan keadaannya stabil.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, daripada 58 kes disyaki Mpox yang dirujuk kepada KKM sepanjang tahun ini, satu kes disahkan positif mpox clade II pada 16 September.

Katanya, dengan itu juga semua 10 kes di Malaysia sejak 26 Julai 2023 sehingga kini adalah daripada clade II sahaja.

"Pesakit tersebut merupakan seorang lelaki warga tempatan yang mula menunjukkan gejala demam, sakit tekak, dan batuk pada 11 September, manakala ruam mula muncul pada 12 September.

"Pesakit tiada sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari sebelum gejala timbul," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Jelasnya, pesakit kini sedang dalam isolasi dan berada dalam keadaan yang stabil.

Katanya, semua kontak bagi pesakit juga sedang dikenal pasti dan status kesihatan mereka akan dipantau mengikut tatacara kendali piawai (SOP) semasa yang ketat.

"Individu berisiko tinggi yang bergejala Mpox seperti demam, bengkak kelenjar limfa dan ruam/lepuh perlu segera mendapatkan pemeriksaan dan rawatan.

"Orang ramai juga perlu mengelakkan bersentuhan secara langsung dengan individu yang disyaki atau disahkan dijangkiti Mpox termasuk hubungan seksual," katanya.

Orang ramai juga perlu mengamalkan kawalan kesihatan kendiri seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman (hand sanitiser).

Mpox telah diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (Public Health Emergency of International Concern PHEIC) buat kali kedua pada 14 Ogos lalu.

Susulan itu, KKM telah mengaktifkan Bilik Gerakan mpox di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan pada 16 Ogos.



SEBANYAK 10 kes Mpox direkodkan di Malaysia adalah aripada clade II. – GAMBAR HIASAN

> "Pesakit tiada sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari sebelum gejala timbul."
>
> DR. MUHAMMAD RADZI

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA



Kesedaran orang ramai masih rendah bersadasarkan data direkod sejak 1997

# Hanya 0.02 peratus ikrar derma organ

Oleh NUR HUDA MUSA

**PETALING JAYA** – Kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan derma organ masih rendah dengan pelbagai kempen yang diadakan kurang mendapat sambutan.

Pakar Perunding Nefrologi, Perubatan Dalaman dan Pensyarah Perubatan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Nor Fadhlina Zakaria berkata, hanya 0.02 peratus sahaja rakyat negara ini berikrar sebagai penderma organ sejak 1997.

Menurutnya, antara punca kesedaran itu rendah disebabkan kurangnya pendedahan terhadap kepentingan prosedur berkenaan dalam media sosial serta media arus perdana.

"Berbanding negara-negara lain, mereka aktif membuat pendedahan berhubung kepentingan prosedur pendermaan organ di televisyen dan akhbar-akhbar sekali gus menarik perhatian orang ramai.

"Bagaimanapun, kita berharap dengan banyak program dijalankan ketika ini, ia dapat meningkatkan kesedaran kepentingan menderma organ," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini.

Sementara itu, Dr. Nor Fadhlina berkata, buah pinggang adalah organ paling diperlukan kerana jumlah pesakit kegagalan buah pinggang semakin meningkat.

"Buah pinggang adalah organ yang tidak menyebabkan kematian kepada penderma setelah didermakan.

"Manusia mempunyai dua buah pinggang dan boleh hidup normal dengan mempunyai hanya satu sahaja buah pinggang berbanding organ lain seperti jantung atau paru-paru," ujarnya.

Justeru itu jelasnya, semua pihak perlu memainkan peranan dalam memberi kesedaran agar lebih ramai berikrar untuk menderma organ dan usaha berkenaan sepatutnya tidak mengharapkan pasukan perubatan sahaja.

*Kosmo!* semalam melaporkan pengorbanan ahli keluarga yang sanggup mendermakan buah pinggang selepas tidak sanggup melihat orang tersayang menanggung kesakitan.

Mereka sanggup berkongsi organ asalkan penerima iaitu suami, isteri, anak atau adai-beradik sihat semula dan menjalani kehidupan seperti orang lain tanpa perlu melakukan rawatan dialisis seumur hidup.



**MANUSIA mempunyai dua buah pinggang dan boleh hidup normal dengan satu sahaja organ berkenaan berbanding jantung dan paru-paru.** – GAMBAR HIASAN



**NOR FADHLINA**




**KERATAN *Kosmo!* kelmarin.**

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 12**
**RUANGAN : NASIONAL**



# Satu lagi kes baharu mpox dikesan

Melibatkan seorang warganegara lelaki, tiada sejarah perjalanan ke luar negara

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan satu lagi kes baharu positif cacar monyet atau mpox varian clade II dikesan di negara ini pada Isnin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kes melibatkan seorang warganegara lelaki yang mula menunjukkan gejala demam, sakit tekak dan batuk pada 11 September sebelum muncul ruam keesokannya.

"Pesakit tiada sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari sebelum gejala timbul, kini sedang dalam isolasi dan berada dalam keadaan yang stabil.

"Semua kontak bagi pesakit ini sedang dikenal pasti dan status kesihatan mereka akan dipantau mengikut prosedur operasi standard semasa yang ketat," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.



DR MUHAMMAD RADZI

Bagaimanapun, Muhammad Radzi berkata, hanya satu kes berkenaan sahaja yang disahkan positif mpox clade II daripada 58 kes disyaki yang telah dirujuk kepada KKM sepanjang tahun ini.

"Dengan itu juga semua 10 kes mpox di Malaysia yang disahkan sejak 26 Julai 2023 sehingga kini adalah daripada clade II sahaja.

"Bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan membolehkan orang ramai memainkan peranan dengan meningkatkan kawalan kesihatan kendiri, KKM meneruskan hebahan kepada orang ramai melalui pelbagai saluran media massa dan media sosial," ujarnya.

Beliau menegaskan, individu berisiko tinggi yang bergejala mpox seperti demam, bengkak kelenjar limfa dan ruam atau lepuh pula perlu segera mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di pusat kesihatan terdekat.

Katanya, orang ramai juga perlu elakkan diri daripada bersentuhan secara langsung dengan individu yang disyaki atau disahkan dijangkiti mpox dan mengamalkan kawalan kesihatan kendiri seperti mencuci tangan menggunakan air, sabun atau cecair pembasmi kuman.

Mpox diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (PHEIC) buat kali kedua pada 14 Ogos 2024 berikutan penularan virus clade Ib yang lebih pantas di Republik Demokratik Congo (DRC) dan negara-negara jiran di benua Afrika.



Sebanyak 10 kes positif cacar monyet direkodkan di negara ini sejak 26 Julai 2023.

Susulan itu, KKM mengaktifkan bilik gerakan mpox di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan pada 16 Ogos lalu dan CPRC Kebangsaan terus memantau situasi mpox serta menyelaraskan langkah kesiapsiagaan dan respons yang berkaitan.

# Tiada saksi sukarkan mangsa buli ambil tindakan – Peguam

**SHAH ALAM** - Sukar atau tidak untuk membuktikan berlakunya sesuatu perbuatan buli itu bergantung kepada fakta kes dan bahan bukti yang ada.

Peguam, Muhammad Akram Abdul Aziz berkata, kedua-dua elemen itu menjadi penentu penting kepada sesuatu hukuman atau pertuduhan selanjutnya.

"Ada kes di mana terdapat saksi atau bukti dokumen contohnya, mesej ugutan atau kata-kata kesat di media sosial. Maka dalam situasi ini, lebih mudah untuk perbuatan buli itu dibuktikan oleh doktor yang menjadi mangsa.



*"Namun ada kalanya, buli ini dibuat secara tersirat atau di dalam keadaan yang mana tiada bukti jelas, sebagai contoh ugutan dibuat di bilik di mana hanya mangsa dan pembuli sahaja yang ada."*

\- Muhammad Akram

"Namun ada kalanya, buli ini dibuat secara tersirat atau di dalam keadaan yang mana tiada bukti jelas, sebagai contoh ugutan dibuat di bilik di mana hanya mangsa dan pembuli sahaja yang ada.

"Dalam keadaan ini, tidak dinafikan ia sedikit sukar untuk membuktikan wujudnya insiden buli tersebut namun ia bukan bermakna langsung tiada kes untuk dibangkitkan pengadu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad pada Isnin dilapor berkata, kementerian yang diterajuinya tidak akan bertoleransi dengan sebarang perbuatan buli terhadap kakitangannya.

Beliau menjelaskan, perbuatan buli tidak pernah menjadi budaya Kementerian Kesihatan (KKM), malah perkara itu kekal menjadi dasar utama kementerian tersebut.

Ia susulan kematian seorang doktor di Sabah pada 29 Ogos lalu yang didakwa menjadi mangsa buli serta menghadapi tekanan kerja.

Mengulas lanjut, Muhammad Akram berkata, laporan atau tindakan undang-undang masih boleh diambil terhadap pembuli, namun ia mungkin tidak bersifat begitu terus-terang berbanding kes yang mempunyai bukti kukuh.

"Soalnya sama ada doktor yang dibuli tersebut mahu mengambil tindakan atau tidak sahaja," katanya.

Ditanya mengenai kewujudan kes doktor mengemukakan saman terhadap rakan setugas kerana membuli beliau berkata, perkara tersebut pernah berlaku.

"Firma guaman kami pernah mengendalikan kes sedemikian yang mana ia berkenaan dakwaan fitnah. Namun kes sebegini jarang berlaku," katanya.

Muhammad Akram dalam pada itu turut menasihatkan mangsa buli di tempat kerja supaya tidak menyembunyikan kes yang berlaku, meluahkan perkara berkenaan kepada pihak yang dipercayai.

"Jika doktor yang dibuli tidak mengambil langkah sebegini, saya percaya ia hanya akan membuatkan pembuli bertindak secara berlebihan memandangkan tiada implikasi negatif terhadapnya.

"Malah, kebiasaannya pembuli juga hanya akan membuli pihak yang anggap sebagai lemah atau tidak melawan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : FORUM

# Tolak maklumat salah dari industri vape

**SAUDARA PENGARANG,**

**PERSATUAN** Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan supaya menolak hujah yang dikemukakan oleh industri sistem penghantaran nikotin elektronik (*electronic nicotine delivery systems - ENDS*) (termasuk e-rokok dan vape) dan industri produk tembakau dipanaskan (*heated tobacco products - HTP*).

Hujah-hujah industri ENDS dan HTP serta pelobi mereka menyamai hujah-hujah yang pernah digunakan oleh industri tembakau sebelum ini, yang kini dikawal ketat di bawah Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau (*Framework Convention on Tobacco Control - FCTC*) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), yang diterima pakai oleh lebih 90 peratus negara di seluruh dunia. Industri mempromosikan ENDS dan HTP sebagai alternatif yang lebih selamat dan alat untuk berhenti merokok, tetapi dakwaan ini hanyalah maklumat palsu yang diteruskan oleh industri untuk menyokong ketagihan nikotin.

Hujah-hujah industri, yang menyamai hujah-hujah yang sebelum ini digunakan oleh sektor tembakau yang dikawal ketat, bertujuan untuk mengekalkan ketagihan nikotin dan menjejaskan kesihatan awam. Dakwaan mereka kekurangan bukti yang boleh dipercayai dan merupakan sebahagian daripada strategi yang lebih luas untuk menangguhkan atau melemahkan langkah kawalan tembakau.

Kerajaan mestilah melaksanakan peraturan yang komprehensif dan segera, kerana langkah beransur-ansur hanya membenarkan industri mengeksploitasi kelemahan undang-undang dan meneruskan amalan berbahaya ini.

Risiko kesihatan awam yang ketara, termasuk kelaziman menghisap vape yang semakin meningkat dalam kalangan belia, pencemaran alam sekitar daripada peranti pakai buang, dan peningkatan kes keracunan nikotin, melebihi sebarang faedah ekonomi yang mungkin dituntut oleh industri. Kesihatan awam, khususnya perlindungan terhadap golongan muda, mestilah diutamakan daripada kepentingan komersial industri tembakau.

Kerajaan Malaysia harus mengikut prinsip Konvensyen Rangka Kerja WHO mengenai Kawalan Tembakau (FCTC), di mana ia mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan rakyatnya dengan menggubal peraturan yang kukuh dan segera.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**
Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)



**DAKWAAN dari industri vape tertentu alternatif yang lebih selamat dan alat untuk berhenti merokok hanyalah maklumat palsu yang diteruskan oleh industri untuk menyokong ketagihan nikotin.**

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 1**
**RUANGAN : MUKA HADAPAN**

# Mpox confirmed in man with no recent travel history

THE Health Ministry says it is tracing the close contacts of the man, who reported a fever, sore throat and cough on Sept 11, with rashes appearing the next day.

» PAGE 11

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NATION / NEWS



CLADE 2 VARIANT

# NEW MPOX CASE REPORTED

Man with no recent travel history, is stable and currently in isolation, says Health D-G

AMALIA AZMI
**KUALA LUMPUR**
amalia.azmi@nst.com.my

THE Health Ministry reported one new case of the mpox virus infection of the clade 2 variant on Monday.

Its director-general, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, yesterday said the case was detected in a male patient, who began showing symptoms of fever, sore throat and cough on Sept 11, with rashes appearing a day later.

"Of the 58 suspected cases of mpox that have been referred to the ministry throughout the year, this one case was confirmed positive on Monday. All 10 cases in Malaysia since July 26 last year belong to clade 2 only."

He said the patient had no recent travel history, was stable and currently in isolation.

He said the ministry was tracing all close contacts of the patient and will monitor their health.

Dr Radzi advised high-risk individuals who exhibited symptoms of mpox such as fever, swollen lymph nodes, and rashes or blisters, to seek examination and treatment at the nearest healthcare facility.

"Avoid direct contact with individuals suspected or confirmed to be infected with mpox.

"Practice self-health management by washing hands with water and soap or using hand sanitiser."

Dr Radzi urged frontline workers to remain vigilant for individuals with symptoms of mpox, especially among high-risk groups.

"For suspected mpox cases, blister and oral swabs, as well as blood or serum samples should be sent to laboratories that offer mpox virus detection testing.

"Suspected mpox cases should be reported to the nearest health district office via the e-Notification System."

Individuals infected with mpox can spread the virus to others from a day before symptoms appear until all blisters have dried up and come off completely.

Usually, mpox cases will be cured without any special treatment.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NATION



# First mpox case this year detected

## It is also the 10th recorded in Malaysia since last year, Health Ministry says

**PETALING JAYA:** A new mpox case has been detected, making it the first this year and the 10th such case in Malaysia since last year, says the Health Ministry.

The male patient began showing symptoms of fever, sore throat and cough on Sept 11, while rashes appeared the next day.

The ministry said the man has no history of international travel within 21 days before the onset of symptoms.

"The patient is currently in isolation and stable condition," it said in a statement.

According to the ministry, the patient's contacts are being identified and their health status would be monitored in accordance with the standard operating procedure.

All 10 cases in Malaysia are from clade II infections, said the ministry (Clade II is a milder form of the virus). It also noted that 58 suspected mpox cases had been referred to the ministry.

The first case was detected on July 26 last year with the last one, before the current case, in November.

No deaths have been reported.

On Sept 10, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said that there will be no national lockdown for mpox like what was seen during the Covid-19 pandemic.

He said the government was taking every measure necessary to keep the disease out of the country and ruled out lockdowns such as the movement control orders issued during the pandemic.

Mpox can spread through close contact.

Usually mild, it is fatal in rare cases. It causes flu-like symptoms and pus-filled lesions on the body.

On Aug 14, the World Health Organisation (WHO) declared mpox a global public health emergency for the second time in two years, following an outbreak of the viral infection in the Democratic Republic of Congo that had spread to neighbouring countries.

The outbreak in Congo began with the spread of an endemic strain known as clade I. But a new variant, clade Ib, appears to spread more easily through routine close contact, including sexual contact.

It spread from Congo to countries such as Burundi, Kenya, Rwanda and Uganda, triggering the action from the WHO.

The disease has since been detected in several European and Asian countries.

# Call for laws to protect health workers from bullying

**KOTA KINABALU:** There should be a channel for medical practitioners to report on workplace bullying, Parti Warisan information chief Datuk Azis Jamman suggests.

"A safe reporting system should be in place to create an anonymous reporting channel for health workers facing any forms of bullying or pressure without fear of retaliation," he said.

The suggestion came after the death of Dr Tay Tien Yaa, who headed the Chemical Pathology Unit of Hospital Lahad Datu on Aug 29, following alleged workplace bullying.

Azis also called on the Health Ministry to create a system to monitor and evaluate the workload and stress faced by medical personnel.

"Periodic evaluation of the work system should be done to ensure that it does not burden the workers," he said in a statement.

Azis pointed out that psychological support and counselling should be provided to healthcare workers facing work stress.

"The government could also review and include specific laws to protect health workers from workplace bullying," he said.

Azis, who extended Warisan condolences to the family of Dr Tay, hoped that her death would be thoroughly investigated.

"Dr Tay's death is not only a great loss to her family and friends, but also the people of Sabah and the nation's healthcare sector," he added.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : VIEWS



YOUR OPINION

EMAIL editor@thestar.com.my or
MAIL The Editor, Menara Star, 15, Jalan 16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya.
Letters must carry the sender's full name, address and telephone number.
A pseudonym may be included.

# Crafting solutions to obesity crisis

THE National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 reported that over half of Malaysia's population is overweight or obese.

The survey also found that 15.6%, or one in six, of Malaysians is diabetic.

These numbers are a sharp rise from 2011, signalling that despite various government efforts to combat obesity, there are significant barriers to achieving that objective.

Government health initiatives have historically relied on economic incentives to influence consumer behaviour.

For instance, removing sugary items from the discounted items list was a step towards discouraging sugar consumption.

Similarly, a proposed new levy on sweetened drinks in the 2025 Budget aims to reduce sugar-laden products in the market.

However, these top-down measures face limitations, as they tend to overlook the emotional and cultural connection Malaysians have with food.

This disconnect between policy and cultural habits highlights a critical gap in the approach, one that requires more than just financial levers to foster lasting change.

One solution is to create community-based and community-driven programmes that engage community leaders, food influencers, and educators to reshape how Malaysians view food.

Programmes that combine cultural traditions with healthy eating, like introducing modified versions of traditional kuih, can help change attitudes without alienating people from their roots.

Involving schools in promoting healthier eating habits from a young age can also create generational shifts.

Public health campaigns often fall short because they fail to resonate with cultural realities. Telling people to reduce sugar consumption without acknowledging the social significance of sweet treats often results in low engagement.

A culturally sensitive approach to education is needed, one that recognises the emotional importance of food while promoting healthier alternatives. Campaigns that focus on local flavourful foods that align with cultural values without compromising on health are more likely to succeed.

Socioeconomic disparities exacerbate the obesity crisis, as Malaysians find sugary and processed foods more affordable and accessible than nutritious alternatives.

The reality is that healthier foods are often out of reach for those facing financial constraints, making behavioural change difficult even for those who are willing to make the effort.

Initiatives to educate people must be paired with better access to healthy foods, especially for low-income families.

Fortunately in this matter, we do not have to reinvent the wheel. The government can consider reinstating the highly popular Menu Rahmah initiative, with formal input from the Health Ministry, ensuring that nutritious options are both affordable and accessible.

Additionally, a voucher system similar to the Jualan Rahmah programme could be extended to include discounts on fresh produce and other healthy foods. This would not only support healthier eating habits but also reduce the cost burden on families struggling to make healthier choices.

To shift social norms, it is necessary to frame healthy eating as an act of self care and social responsibility. For instance, promoting small changes like opting for sugar-free beverages as a positive step toward better health can help normalise healthier behaviours.

Public health narratives should celebrate these incremental changes and highlight them as socially commendable actions.

Creating a supportive environment for individuals to make positive changes through community challenges and workplace wellness programmes may also yield positive results.

By understanding the cultural nuances and emotional connections that shape Malaysians' eating habits, and tailoring policies to resonate with their everyday lives, we can achieve significant progress in promoting healthier lifestyles and shed our reputation as the "fattest nation" in the region.

**DR SEAN THUM**
**and DR WONG YEN JUN**
**Johor Baru**

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NATIONAL**

# Death of doctor must be probed: Minister

**KUALA LUMPUR:** The death of a doctor stationed in Lahad Datu, Sabah must be investigated, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"I have had zero tolerance towards bullying since 2018 and shall remain steadfast on this policy. All Health Ministry staff deserve a safe and just working environment."

It was reported that a specialist at the hospital was found dead at her residence on Aug 29, with her death believed to be linked to incidents of workplace bullying.

The Malaysian Medical Association (MMA) has called for a full investigation.

Its president Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira expressed sorrow over the doctor's passing and extended condolences to her family and friends.

"This loss underscores concerns about the mental health and well-being of doctors within the public healthcare system. We urge the Health Ministry and the Sabah Health Department to expedite a thorough investigation. We ask the public to refrain from speculation."

MMA said the medical community is monitoring the situation and urged for a swift and transparent response from authorities.

Kalwinder reiterated MMA's commitment to improving the mental health, welfare and working conditions of healthcare professionals.

Healthcare workers seeking assistance may reach out to the MMA Helpdoc platform at helpdoc@mma.org.my. – Bernama

# Positive case of Mpox clade II detected

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry detected one positive case of monkeypox (Mpox) clade II on Monday.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said the case was identified from 58 suspected Mpox cases referred to the ministry this year.

He said the patient is a male citizen who began exhibiting symptoms of fever, sore throat and cough on Sept 11, with a rash appearing on Sept 12.

"The individual, who is in isolation, has no history of overseas travel within the 21 days prior to the onset of symptoms and is in stable condition.

"Contacts of the patient are being identified and their health status will be monitored according to strict SOP."

He added that since July 26, 2023, 10 Mpox cases recorded in the country have been from the clade II variant only.

He said the Mpox operations room, activated on Aug 16 at the National Crisis Preparedness and Response Centre, continues to monitor the situation and coordinate various preparedness and response measures. – Bernama